



TEKS UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI  
TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**SAMBUTAN HARI PENDIDIK KEMAS TAHUN 2026  
: 55 TAHUN MENCERDASKAN ANAK BANGSA**

TARIKH/MASA:

**09 JUN 2026 (SELASA)**

**11.00 PAGI**

TEMPAT:

**DEWAN SERI LESTARI,  
ARAS B1, KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH,  
PUTRAJAYA**

Terima Kasih Saudara / Saudari Pengerusi Majlis,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera

## **SALUTASI**

*(Akan diberikan pada hari program)*

## **MUKADIMAH**

1. Khamis lalu, semasa Perhimpunan Bulanan KKDW, saya teruja menyaksikan satu persembahan khas daripada warga KEMAS. Persembahan itu mengisahkan seorang bapa yang melihat anaknya mula mengenal huruf, membaca, menghafal dan mengalunkan bacaan al-Quran.
2. Mungkin pada pandangan biasa, ia hanyalah kisah seorang anak kecil di TABIKA. Tetapi bagi seorang ayah, seorang ibu dan sebuah keluarga, itulah detik yang sangat besar. Di situlah keyakinan mula tumbuh. Di situlah masa depan seorang anak mula dibina.

3. Ditambah lagi, apabila kita dapat mendengar anak-anak KEMAS membaca Surah al-Ikhlâs dalam persembahan tersebut, hati saya tersentuh... Tersentuh sebab dapat melihat sendiri bahawa usaha kita selama tiga tahun menjayakan Pra Tahfiz KEMAS yang **bukan sahaja telah membuahkan hasil... tetapi telah menjadi amalan dan anjakan besar dalam budaya kerja KEMAS di seluruh negara.**
4. Hasrat ini lah yang kita bawa bersama tiga tahun lalu.. untuk memastikan anak-anak KEMAS bukan sahaja bijak akademik, tetapi turut dibentuk dengan asas al-Quran, akhlak dan jati diri yang kukuh. Alhamdulillah, kita semua sedang menyaksikan kejayaan itu hari ini.
5. Saya sedar, hasrat besar ini tidak mungkin dapat saya laksanakan seorang diri. Sebab itu, **tulus dari hati, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga pengurusan dan pendidik KEMAS.** Dalam tempoh tiga tahun ini, saudara dan saudari lah tunjang utama yang telah merealisasikan agenda ini.

6. Saya benar-benar amat bersyukur, Pra Tahfiz KEMAS hari ini bukan sahaja menjadi satu kerangka program, tetapi telah menjadi pencetus kepada gerakan generasi Qurani yang luar biasa. Di luar sana, ia kini menjadi perbualan ramai dan yakinlah *this is only the beginning* - **permulaan baru kepada satu gerakan yang lebih besar.**

## **55 TAHUN KEMAS: INSTITUSI YANG MENCERDASKAN ANAK BANGSA**

Hadirin sekalian,

7. Hari Pendidik KEMAS pada tahun ini membawa makna yang cukup besar. Selama 55 tahun, KEMAS telah berdiri sebagai institusi pendidikan rakyat yang membuka pintu ilmu kepada anak-anak Malaysia, khususnya di desa, kampung, pedalaman, pulau dan wilayah yang jauh daripada arus pembangunan. **KEMAS dari dahulu lagi telah menjadi medan terawal dalam kehidupan anak-anak kecil.**
8. Sejak penubuhannya, **KEMAS telah menjadi pemula kepada perjalanan lebih 8.4 juta anak Malaysia.** Mungkin ada dalam kalangan mereka hari ini dah menjadi doktor, jurutera, guru, usahawan, penjawat awam atau pemimpin

masyarakat.. tapi yang pastinya langkah pertama mereka bermula di sebuah Tabika atau Taska KEMAS.

9. Inilah legasi sebenar KEMAS yang kita semua harus banggakan. Bukan sekadar membina bilik darjah, tetapi membina manusia. Bukan sekadar mengajar huruf dan angka, tetapi menyemai keyakinan, membentuk peribadi dan mencerdaskan anak bangsa.
10. Ya, dunia sedang berubah dengan begitu pantas. Teknologi baharu, kecerdasan buatan dan ekonomi digital sedang mencorakkan masa hadapan. Namun satu perkara tetap tidak berubah:

*“Masa depan negara bermula daripada seorang anak kecil yang diberi peluang untuk belajar dan dibimbing menjadi insan yang berguna.”*

11. Sebab itu, tidak hairanlah KEMAS terus mendapat kepercayaan rakyat. **Tadika dan Taska KEMAS kini hadir di lebih 11,113 lokasi.. disokong 12,166 tenaga pengajar di seluruh negara.** KEMAS hari ini menjadi antara **jaringan**

**pendidikan awal kanak-kanak terbesar** yang dekat dengan masyarakat, khususnya di luar bandar.

12. Kepercayaan ini turut diterjemahkan melalui pelbagai pengiktirafan. Kita sentiasa berbangga dengan kejayaan **TABIKA KEMAS merangkul Gold Award Trusted Brand oleh Reader's Digest sebanyak enam kali** bagi kategori pusat pembelajaran pra-sekolah. Pada saya, ia bukan sekadar kejayaan pada 'brand'nya sahaja, **tetapi bukti keyakinan pasaran pendidikan awal di luar sana terhadap mutu pendidikan KEMAS dan dedikasi para pendidiknya.**
13. Malah, kejayaan KEMAS hari ini tidak terhenti di bilik darjah. Daripada pendidikan awal, kemahiran, keusahawanan, komuniti sehingga bakat kulineri - **KEMAS terus membuktikan bahawa institusi ini mempunyai ekosistem pembangunan insan yang menyeluruh.**
14. Kejayaan KEMAS meraih 48 pingat di World Chefs Championship 2026 membuktikan bahawa warga KEMAS bukan sahaja mampu mendidik anak bangsa, tetapi mampu mengangkat bakat rakyat Malaysia ke pentas dunia.

15. Saya percaya dalam lebih lima dekad ini, **inilah wajah besar KEMAS yang harus kita banggakan.** Sebuah institusi yang bermula dari desa, tetapi kesannya merentas negara dan dunia. Sebuah institusi yang lahir daripada denyut nadi rakyat, tetapi sumbangannya menjadi sebahagian daripada sejarah pembangunan Malaysia.

## **MEMPERKASA WARGA PENDIDIK KEMAS KE ARAH MASA DEPAN YANG LEBIH GEMILANG**

Hadirin sekalian,

16. Sehubungan itu, usaha memperkasa pendidik KEMAS mesti terus menjadi keutamaan. **Pertama, saya mahu warga pendidik KEMAS sentiasa diberi ruang untuk meningkatkan kompetensi, memperkukuh kemahiran dan menyesuaikan diri dengan perubahan pendidikan semasa.**
17. Budaya pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan kemahiran, pensijilan serta pengiktirafan profesional perlu terus diperkasa agar warga pendidik KEMAS kekal relevan, yakin dan bersedia mendepani perubahan.

18. Kedua, **persekitaran pembelajaran mesti terus dipertingkatkan.** Anak-anak yang hebat memerlukan suasana pembelajaran yang kondusif, manakala pendidik yang cemerlang berhak mendapat kemudahan yang selesa dan menyokong tugas mereka.
  
19. Dalam hal ini, **saya tidak akan membiarkan Ketua Pengarah dan KEMAS bergerak bersendirian.** Saya akan memastikan Kementerian terus memberi sokongan, termasuk menyediakan peruntukan yang mencukupi dan berterusan bagi melaksanakan kerja-kerja naik taraf serta membaiki premis pendidikan awal kanak-kanak KEMAS di seluruh negara.
  
20. Ketiga, **saya mahu warga pendidik KEMAS terus berani mencetuskan idea dan pendekatan baharu dalam pendidikan awal kanak-kanak.** Sebagai insan yang paling dekat dengan murid, ibu bapa dan komuniti – **jangan takut beri cadangan.** Saudara dan saudari lebih memahami keperluan sebenar di lapangan. Budaya kreativiti dan pembaharuan perlu terus dilakukan agar KEMAS kekal sebagai peneraju pendidikan awal negara.

21. InsyaAllah, jika ketiga-tiga perkara ini terus diperkukuhkan, pendidik KEMAS bukan sahaja akan terus dihargai kerana jasa mereka, tetapi diperkasa sebagai tenaga utama yang membawa KEMAS ke tahap yang lebih tinggi.

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

22. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga pendidik KEMAS di seluruh negara. Terima kasih kerana terus mendidik dengan sabar, membimbing dengan kasih dan berkhidmat dengan penuh keikhlasan.
23. Saya tahu, tugas mendidik anak kecil bukan tugas yang mudah. Saya pun ada ramai cucu di rumah. Ia memerlukan kesabaran, ketekunan dan jiwa yang besar. Namun percayalah, setiap huruf yang diajar, setiap ayat al-Quran yang dibimbing, setiap nilai yang disemai dan setiap keyakinan yang dibina akan menjadi amal yang berpanjangan.

24. Selama 55 tahun, KEMAS telah mencerdaskan anak bangsa. Kini, tugas kita semua ialah membawa legasi ini ke tahap yang lebih tinggi; melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak, celik teknologi, kukuh jati diri dan berjiwa Qurani.
25. Teruslah menjadi pendidik yang menyalakan cahaya dalam kehidupan anak-anak kita. Kerana mungkin hari ini mereka hanya anak kecil di TABIKA KEMAS, tetapi esok merekalah insan yang akan memimpin keluarga, masyarakat dan negara.
26. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, **saya dengan ini merasmikan Sambutan Hari Pendidik KEMAS Tahun 2026 bertemakan 55 Tahun Mencerdaskan Anak Bangsa.**

Sekian,

*Wabillahi taufik walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*